

18/08/2003

Menggarap kerjasama Syria, Malaysia

LAWATAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Syria bermula semalam, bukan saja membuka lembaran baru hubungan dan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara, malah ia amat penting kerana inilah pertama kalinya Perdana Menteri Malaysia mengadakan lawatan rasmi ke negara itu sejak wujudnya hubungan diplomatik antara Malaysia dan Syria pada 1958. Selain hubungan yang sudah lama terjalin, kedua-dua negara juga berkongsi banyak persamaan mengenai isu yang dihadapi masyarakat antarabangsa dewasa ini dan bekerjasama secara bermakna dalam pelbagai forum seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Kumpulan 77 (G-77).

Seperti kata Dr Mahathir pada majlis jamuan malam diberikan oleh Presiden Dr Bashar Hafeez Al-Assad, di Damsyik, malam tadi, pelbagai usaha sedang dibuat untuk memperluaskan lagi hubungan perdagangan, termasuk dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat, budaya, pendidikan, pelancongan, pembangunan sumber manusia, belia, sukan, minyak dan gas. Kita percaya dengan termeterainya 12 perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) yang membabitkan usaha sama dalam bidang sains dan teknologi, perdagangan serta statistik, kerjasama di antara kerajaan dan sektor swasta kedua-dua negara akan dapat diperluas dan diperkukuhkan.

Dengan penduduk lebih 17 juta, Syria yang mendapat kemerdekaan daripada Perancis pada 1946 tetapi wilayahnya, Bukit Golan, dirampas oleh Israel dalam perang Arab-Israel pada 1967, menawarkan pelbagai peluang yang boleh digarap bersama usahawan kedua-dua negara. Kita juga percaya hubungan dagang dua hala yang amat kecil iaitu bernilai AS\$67.3 juta (RM255.74 juta) pada 2002, dapat ditingkatkan hasil lawatan Dr Mahathir ini. Apa yang penting ialah kita perlu mengimbangkan dagangan dengan mengimport lebih banyak dari Syria. Pada masa ini Malaysia mengeksport barangan bernilai AS\$66.3 juta (RM251.94 juta) ke negara itu dan Syria pula mengeksport barangan bernilai AS\$1 juta (RM3.8 juta) ke Malaysia.

Mungkin sejarah dan pengalaman lalu kita berbeza, tetapi kita berkongsi matlamat yang sama iaitu berazam untuk memaju dan memakmurkan rakyat kita. Seperti yang ditekankan oleh Dr Mahathir, sebagai negara membangun, Malaysia dan Syria seharusnya membangunkan perikatan strategik dan memperluas kerjasama dalam bidang yang boleh memberi faedah kepada rakyat dan negara masing-masing. Berdasarkan konteks Kerjasama Selatan-Selatan dan sejajar dengan dasar untuk memakmurkan jiran, Malaysia bersedia untuk berkongsi pengalaman dalam pentadbiran serta pembangunan dengan Syria. Kita juga yakin Syria akan terus memberi sokongan penuh kepada Malaysia dan turut sama pada sidang kemuncak OIC di Putrajaya, Oktober ini.